

TokioMarine E-ssential Tenang Plus

Penerangan Ringkas:

TokioMarine E-ssential Tenang Plus adalah pelan yang terdiri daripada TokioMarine–StarterPack sebagai pelan asasnya dan Accidental Rider.

Halaman berikut terdiri daripada Risalah Pendedahan Produk untuk:

- TokioMarine - StarterPack
- Accidental Rider

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK
TokioMarine - StarterPack

(Sila membaca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membeli TokioMarine-StarterPack. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

1. Apakah produk ini?

Produk ini merupakan pelan insurans bertempoh rata yang boleh diperbaharui setiap tahun tanpa penyertaan dalam keuntungan. Pelan ini akan membayar Jumlah yang Diinsuranskan secara sekaligus terhadap kematian Hayat yang Diinsuranskan. Pelan ini akan diperbaharui secara automatik sehingga pada ulang tahun setelah Hayat yang Diinsuranskan mencapai umur 60 tahun hari jadi berikut.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Pelan ini memberi perlindungan berikut:

- Manfaat Kematian:

Premium	Umur Kemasukan (Hari Jadi Berikut)	Amaun Perlindungan
Sebulan: RM 15.00	18 - 35	RM 50,000
Setiap tahun: RM 180.00	36 - 50	RM 25,000

Tempoh Perlindungan: Sehingga Kematian atau penamatan sijil, mengikut mana-mana yang lebih awal.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Premium yang anda perlu bayar : RM 15.00 sebulan
: RM 180.00 setiap tahun
- Tempoh premium : Premium perlu dibayar sehingga tahun polisi terakhir setelah Hayat yang Diinsuranskan mencapai umur 60 hari jadi berikut.
- Sijil ini memberikan tempoh tangguh selama 30 hari sebagai masa tambahan selepas tarikh mesti bayar untuk membuat pembayaran premium.
- Bayaran premium dan jumlah yang diinsuranskan adalah rata sepanjang tempoh polisi. Amaun premium dan jumlah yang diinsuranskan bergantung kepada umur kemasukan Hayat yang Diinsuranskan (rujuk jadual di Item 2).
- Premium yang dikenakan untuk pelan ini adalah tidak terjamin dan tertakluk kepada pengalaman tuntutan dan faktor-faktor lain yang berkaitan dengan Syarikat. Kami berhak untuk menyemak semula premium dengan memberi anda notis 90 hari. Premium yang disemak semula akan berkuat kuasa pada ulang tahun polisi berikutnya.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Tiada.

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Sekiranya terdapat sebarang ketidak-dekahan semasa peringkat permohonan sijil atau pengembalian semula sijil, kami berhak untuk menolak tuntutan yang dikemukakan sebab tanpa pendedahan.
- Tempoh pertimbangan - anda boleh membatalkan sijil ini dengan memulangkan dokumen sijil dalam tempoh masa 15 hari selepas penghantaran sijil. Premium yang anda telah bayar (menolak sebarang kos perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- Penama - Apabila anda memohon pelan ini, anda boleh mencalonkan seseorang untuk menerima wang yang perlu dibayar setelah kematian anda. Anda digalakkan membuat pencalonan untuk memudahkan proses pembayaran wang di bawah perlindungan insurans anda.

Catatan: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila merujuk kepada sijil/kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah perlindungan ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Manfaat kematian tidak akan dibayar untuk kematian akibat bunuh diri dalam satu (1) tahun selepas Tarikh Berkuatkuasa pelan atau tarikh pengembalian semula pelan ini, mengikut mana-mana yang lebih kemudian.

7. Bolehkah saya batalkan rider ini?

Membeli polisi hayat adalah komitmen kewangan yang berjangka panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, sijil anda akan menjadi luput. Sijil ini tidak memberikan nilai penyerahan. Sekiranya anda membatalkan sijil anda, perlindungan akan berterus sehingga sehari sebelum tarikh mesti bayar berikutnya.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Anda mestilah memaklumkan kami tentang sebarang perubahan profil anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat menghubungi anda pada masa yang tepat.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari laman web kami di www.tokiomarine.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila menghubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Talian Am : 03-2059 6188
Nombor Khidmat Pelanggan: 03-2603 3999
Faks: 03-2162 8068
E-mel: customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Perlindungan serupa lain-lain yang tersedia

Tiada.

MAKLUMAN PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCATAT SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI TERUS KAMI UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil insurans yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada [dd/mm/yyyy](#).

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Accidental Rider

(Sila membaca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membeli Accidental Rider. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

1. Apakah produk ini?

Pelan ini adalah rider berpremium rata tanpa penyertaan dalam keuntungan Syarikat. Rider ini memberikan pampasan terhadap Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Akibat Kemalangan Hayat yang Diinsuranskan sehingga Hayat yang Diinsuranskan mencapai umur 60 tahun pada hari jadi berikut. Rider ini akan diperbaharui secara automatik.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Rider ini memberi perlindungan berikut:

- Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Akibat Kemalangan:

Premium	Umur Kemasukan (Hari Jadi Berikut)	Amaun Perlindungan
Setiap bulan: RM 5.00	18 - 35	RM 60,000
Setahun: RM 60.00	36 - 50	RM 30,000

Catatan:

- Hanya salah satu manfaat Kematian Akibat Kemalangan atau HUMK Akibat Kemalangan akan dibayar untuk Rider ini.
- Amaun yang dibayar apabila Kematian Akibat Kemalangan atau HUMK Akibat Kemalangan adalah dihadkan kepada sebanyak RM 10 million setiap hayat untuk semua polisi hayat individu.
- HUMK Akibat Kemalangan mesti kekal sekurang-kurangnya 6 bulan sejak permulaan kecacatan tersebut.
- Mana-mana manfaat yang lebih tinggi yang dinyatakan di atas akan dibayar sekiranya terdapat pelbagai kejadian berlaku pada masa yang sama.

Tempoh Perlindungan: Sehingga berlakunya kematian, penamatan sijil/ rider atau pembayaran penuh HUMK Akibat Kemalangan, mengikut mana-mana yang lebih awal.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Premium yang anda perlu bayar : RM 5.00 sebulan
: RM 60.00 setiap tahun

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Tiada.

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Sekiranya terdapat sebarang ketidak-dekahan semasa peringkat permohonan sijil atau pengembalian semula sijil, kami berhak untuk menolak tuntutan yang dikemukakan sebab tanpa pendedahan.
- Tempoh pertimbangan - anda boleh membatalkan sijil ini dengan memulangkan dokumen sijil dalam tempoh masa 15 hari selepas penghantaran sijil. Premium yang anda telah bayar (menolak sebarang kos perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- Polisi luput - perlindungan akan tamat jika kami tidak menerima premium selepas tempoh tangguh selama 30 hari.
- Notis tuntutan - Notis tuntutan bertulis perlu diserahkan kepada kami dengan memberikan butiran lengkap tentang sebarang kecederaan dalam tempoh 60 hari selepas berlakunya kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut. Sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, notis tuntutan perlu diberi dengan segera.
- Premium yang dikenakan untuk pelan ini adalah tidak terjamin dan tertakluk kepada pengalaman tuntutan dan faktor-faktor lain yang berkaitan dengan Syarikat. Kami berhak untuk menyemak semula premium dengan memberi anda notis 90 hari. Premium yang disemak semula akan berkuat kuasa pada ulang tahun polisi berikutnya.

Catatan: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila merujuk kepada sijil/kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah perlindungan ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- kecederaan yang disengajakan;
- peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, mogok, perang saudara atau sebarang operasi sedia berperang;
- racun, gas atau asap (diambil, diberi, diserap atau disedut secara sukarela atau dipaksa secara tidak sengaja atau sebaliknya);
- penggunaan alkohol atau dadah yang melebihi had dibenarkan oleh undang-undang;
- melakukan jenayah;
- perkhidmatan sebagai polis, askar, tentera laut atau tentera udara;
- penyertaan dalam sebarang bentuk perlumbaan, pengendalian mana-mana pengangkutan udara kecuali penerbangan oleh syarikat penerbangan yang berjadual; atau
- Ketidakupayaan Sedia Ada.

7. Bolehkah saya batalkan rider ini?

Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, tidak ada nilai penyerahan dan perlindungan diberikan sehingga hari sebelum tarikh mesti bayar berikut rider ini.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Anda mestilah memaklumkan kami tentang sebarang perubahan profil anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat menghubungi anda pada masa yang tepat.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari laman web kami di www.tokiomarine.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila menghubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Talian Am : 03-2059 6188
Nombor Khidmat Pelanggan: 03-2603 3999
Faks: 03-2162 8068
E-mel: customercare@tokiomarinelife.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan?

Tiada.

MAKLUMAN PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCATAT SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI TERUS KAMI UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil insurans yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada [dd/mm/yyyy](#).